

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SBW232 - Pendidikan, Latihan dan Sumber Manusia

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja dari soalan-soalan berikut.

1. Terdapat dua arah aliran dalam perkembangan sejarah pendidikan, iaitu, penyediaan golongan elit dan pendemokrasian pendidikan. Bincangkan perbezaan dua aliran ini dari segi mengapa, bagaimana dan di manakah aliran-aliran ini mula berkembang. (100 markah)

 2. Pilih satu sistem persekolahan di negara maju dan bandingkannya dengan sistem persekolahan Malaysia dari segi:
 - i. Peranan kerajaan (25 markah)
 - ii. Penjurusan (Streaming) Pengajian (25 markah)
 - iii. Akses kepada pendidikan tinggi (25 markah)
 - iv. Fungsi pendidikan tinggi (25 markah)
-

3. a) Bincangkan ciri-ciri persekolahan di Malaysia di dalam empat zaman berikut:
- i. tahun 1930an
 - ii. 1961-1970
 - iii. 1971-1990
 - iv. selepas 1990
- (50 markah)
- b) Apakah kelebihan dan kelemahan persekolahan zaman 1930an jika dibandingkan dengan persekolahan masakini?
- (50 markah)
4. Terangkan hujah-hujah teori modal manusia. Apakah kesan-kesan buruk dan baik teori ini terhadap dasar pendidikan di negara sedang membangun?
- (100 markah)
5. Mengapa penubuhan sebuah universiti swasta pada tahun 1970an telah ditolak oleh kerajaan pada masa itu? Seterusnya bincangkan pula mengapa penubuhan universiti-universiti swasta dibenarkan pada masa kini.
- (100 markah)
6. Apakah cadangan Bank Dunia yang terpenting sekali bagi mengreformasikan sistem pendidikan tinggi di negara sedang membangun pada tahun 1990an? Sejauhmanakah saranan-saranan ini telah diikuti oleh Malaysia?
- (100 markah)